

10/08/1997

Konsep gabungan BN kekal

KUALA LUMPUR: Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) bersetuju mengekalkan konsep gabungan pelbagai parti bagi memastikan semua parti politik minoriti mendapat suara dalam kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN, kerajaan bimbang jika sistem satu parti diamalkan di negara ini, ia akan menyebabkan golongan yang mempunyai suara majoriti membolot kuasa dalam parti.

Beliau berkata, kerajaan BN mahu menjaga kepentingan semua pihak sama ada masyarakat Melayu, Cina atau India kerana masing-masing memberi sumbangan dalam pembangunan negara.

"Kita menghargai sumbangan mereka (komponen parti BN) dan kerana itu perlu ada pelbagai parti yang membolehkan masing-masing mendapat suara."

"Kerajaan juga belum bersedia menerima konsep satu parti, tetapi masanya akan tiba juga apabila semua sudah lupa bahawa kita orang Melayu, Cina dan India...anggap orang Malaysia saja.

"Bagaimanapun, sekarang masih ada sekolah Melayu, Tamil dan Cina, jadi masih ada pengasingan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di sini, semalam.

Mesyuarat hampir dua setengah jam itu juga membincangkan pelbagai perkara termasuk isu agama dan pendidikan.

Ditanya sama ada cadangan mengekalkan konsep pelbagai parti itu tidak selari dengan usaha mewujudkan masyarakat Malaysia, Dr Mahathir berkata, kerajaan masih berusaha membentuk bangsa Malaysia tetapi sehingga kini belum berjaya seratus peratus.

"Dalam penggunaan Bahasa Kebangsaan pun ada percanggahan pendapat, ada pihak kata itu bukan Bahasa Kebangsaan tapi bahasa Melayu dan marah apabila panggil Bahasa Kebangsaan.

"Jika macam tu susahlah...kerana jika bahasa Melayu untuk orang Melayu saja," katanya.

Mengenai pencapaian BN, katanya beliau berpuas hati dengan kerjasama komponen parti dalam kerajaan, malah kerjasama dan toleransi parti BN menjadi punca kejayaan yang dicapai negara.

"Kita akan teruskan cara BN, iaitu kita tidak akan menjadi satu parti, sebaliknya akan meneruskan sebagai gabungan kerana sebagai parti gabungan, tiada siapa akan kehilangan suara mereka dalam parti," katanya.

Dalam perkembangan yang sama, beliau turut memberitahu persetujuan dewan itu supaya Pemuda BN mengadakan konvensyen untuk memahami perjuangan parti secara lebih mendalam dan meneruskan perjuangan BN.

Katanya, konvensyen berkenaan bukan mahu berdebat cara menukar prinsip BN tetapi memahami konsep parti supaya kerajaan dapat mengekalkan perjuangan BN dan menjalankan pembangunan negara.

(END)